

03/04/2001

Masih wakil rakyat Beserah: SPR

KUANTAN, Isnin - Ketua Umno Bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman masih wakil rakyat Beserah kerana Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) negeri belum menerima sebarang notis kekosongan kerusi bagi kawasan itu.

Pegawai Pilihan Raya Negeri, Muhammad Safian Ismail berkata, mengikut prosedur SPR, mana-mana wakil rakyat yang berhasrat mengosongkan kerusinya perlu mengemukakan surat peletakan jawatan kepada Speaker Dewan Undangan Negeri.

Selepas itu, Speaker perlu melaporkan secara rasmi kepada SPR Negeri mengenai kekosongan di satu-satu kawasan pilihan raya dalam masa tiga hari untuk mengesahkan kekosongan itu.

"Bagaimanapun, sehingga kini tiada sebarang notis diterima untuk membolehkan SPR negeri mengisytiharkan kekosongan kerusi DUN Beserah," katanya di sini hari ini.

Fauzi memenangi kerusi Dun Beserah pada pilihan raya umum 1999 setelah menewaskan calon Pas, Mohd Yusof Ibrahim dengan majoriti 985 undi.

Sementara itu, Speaker Dewan Undangan Negeri Pahang, Datuk Wan Razali Wan Mahussin berkata sehingga kini beliau tidak menerima sebarang surat daripada Fauzi untuk mengosongkan kerusi Beserah.

Jumaat lalu, Fauzi, 55, menyerahkan surat yang memaklumkan hasratnya untuk meletak jawatan sebagai Adun Beserah kepada Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang.

Beliau memberikan beberapa alasan termasuk dirinya tidak lagi diperlukan Umno Kuantan berikutan pencalonan daripada cawangan tidak memihak kepadanya bagi mempertahankan jawatan Ketua Umno Bahagian Kuantan.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Kuala Lumpur Sabtu lalu berkata, Fauzi masih belum meletak jawatan selaku Adun Beserah. - Bernama

(END)